






Produk Malaysia hebat,
setaraf jenama antarabangsa!


KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA

#barangbaikbarangkita

 www.kpdnhep.gov.my

 [mykpdnhep](https://www.facebook.com/mykpdnhep)

 [@mykpdnhep](https://twitter.com/mykpdnhep)

 [kpdnhep](https://www.instagram.com/kpdnhep)



KONGRES NASIONAL PKR 2019

Hadir ke mesyuarat kewajipan pemimpin

MELAKA - Sidang perwakilkan dan pucuk pimpinan PKR semalam diingatkan bahawa kehadiran dalam mesyuarat parti adalah satu mandat dan tanggungjawab yang harus ditunaikan setiap pemimpin.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Natusion Ismail berkata, untuk menterjemah mandat dan legitimasi kekuasaan yang diberi oleh parti dan rakyat, pemimpin mesti bermesyuarah.

Menurutnya, PKR sebagai sebuah parti yang membawa agenda reformasi sentiasa melaksana-



SAIFUDDIN

kan prinsip itu dan pemimpin harus melakukannya.

“Untuk itu, setiap pemimpin harus tampil dalam mesyuarat. Di situ, kita menentukan setiap keputusan

mengenai parti, dasar, polisi, disiplin dan masalah rakyat dibentangkan.

“Paling mudah adalah hadir ke mesyuarat, itu sahaja. Cakaplah dalam mesyuarat, bukan cakap dalam media,” katanya.

Dalam ucapan penggulungan pada Kongres Nasional PKR 2019 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini semalam, beliau merujuk kepada isu disiplin dan organisasi yang disentuh pembahas semasa sesi perbahasan Ucapan Dasar Presiden semalam. - *Berna*